

TEKS UCAPAN YB MENTERI KERJA RAYA

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN
RAYA & LEBUHRAYA DAN *TRAVEL SMARTER*
PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA
SEMPENA PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI
BAGI TAHUN 2014**

**22 JULAI 2014
PERSADA PLUS**

Salutations

1. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya mengalu-alukan kehadiran YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-Puan ke Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kementerian Kerja Raya sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2014. Program ini merupakan inisiatif berterusan pihak Kerajaan dalam mempertingkatkan aspek keselamatan pengguna jalan dan lebuh raya di negara ini.

2. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak terutamanya Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan, JKR, LLM, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), MIROS dan semua syarikat konsesi lebuh raya yang telah memberikan komitmen berterusan dalam menjayakan kempen keselamatan ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Perayaan Hari Raya Aidilfitri dijangka akan disambut sama ada pada 28 atau 29 Julai 2014. Sudah tentunya, sambutan Aidilfitri akan melibatkan tradisi balik kampung dan kunjung mengunjung antara rakyat Malaysia yang telah menjadi tradisi sejak sekian lama. Sempena cuti yang panjang ini juga, rakyat Malaysia akan mengambil kesempatan ini untuk bercuti bersama keluarga di destinasi-destinasi pelancongan tempatan yang utama.

4. Kementerian Kerja Raya menjangkakan jumlah trafik di laluan-laluan utama lebuh raya akan meningkat 25% daripada jumlah trafik biasa dan oleh itu, pertambahan bilangan kenderaan ini perlu ditangani dengan berkesan bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna lebuh raya. Dalam hal ini, sukacita saya umumkan bahawa laluan dari Jabor ke Cheneh di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT 2) sejauh 26km telah dibuka kepada pengguna bermula 21 Julai 2014. Pembukaan laluan ini boleh mengurangkan kesesakan terutamanya di laluan FT14 (Jabor ke Cheneh) dan laluan FT3 (Kemaman ke Chukai). Saya berharap melalui pembukaan laluan ini, pengguna khususnya ke Pantai Timur akan menikmati perjalanan yang lebih selesa untuk menyambut Aidilfitri.

5. Justeru itu, pengguna adalah dinasihatkan untuk merancang perjalanan mereka sewajarnya dan mematuhi cadangan jadual waktu perjalanan atau *travel time advisory* yang akan dimaklumkan kelak. Para pengguna seharusnya merancang perjalanan mereka untuk mengelak daripada terperangkap dalam kesesakan di sepanjang perjalanan dan pada masa yang sama dapat pulang dengan selamatnya ke kampung halaman.

KESELAMATAN PENGGUNA JALAN RAYA & LEBUH RAYA

Penambahbaikan Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Keselamatan pengguna jalan raya dan lebuh raya merupakan keutamaan tertinggi kementerian ini. Antara inisiatif yang telah

dilaksanakan pihak Kementerian Kerja Raya bagi mempertingkatkan tahap keselamatan adalah penggunaan *rolling barrier*, *rumble strips*, turapan *microsurfacing* dan sebagainya yang telah menampakkan hasil di mana kadar kemalangan dapat dikurangkan di lokasi kerap berlaku kemalangan (*blackspot*) yang dikenalpasti. Untuk rekod, sejumlah RM32.7 juta telah dibelanjakan pada tahun 2013 bagi *rehabilitative works* di 74 lokasi di jalan persekutuan dan 10 lokasi di lebuh raya.

7. Langkah-langkah penambahbaikan ini telah menunjukkan keberkesanan dalam mengurangkan kadar kemalangan di lokasi-lokasi terbabit. Untuk makluman, bilangan kemalangan yang dilaporkan menunjukkan penurunan yang ketara di 35 lokasi *blackspot* yang telah dibaik pulih pada tahun 2011. Sejak dibaikpulih, jumlah kemalangan yang dilaporkan telah berkurangan dari 778 kemalangan kepada hanya 69 kemalangan iaitu penurunan sebanyak 91.13%.

Arahan Henti Kerja & Larangan Penggunaan Kenderaan Berat

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

8. Bagi memastikan aliran trafik lancar dan keselamatan pengguna lebih terjamin pada musim perayaan ini, saya juga telah mengarahkan supaya semua kerja pembinaan di jalan dan lebuh raya dihentikan kecuali bagi kerja-kerja kritikal sahaja **untuk tempoh 14 hari iaitu bermula dari 21 Julai sehingga 4 Ogos 2014**. Langkah ini dapat mengurangkan kesesakan di lebuh raya.

9. Pada masa yang sama, **pelaksanaan larangan penggunaan kenderaan berat** di jalan dan lebuh raya akan dikuatkuasakan oleh

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) selama 4 hari iaitu pada 26 & 27 Julai 2014 dan 2 & 3 Ogos 2014 kerana dijangka berlaku peningkatan trafik.

Inisiatif Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuh Raya

Hadirin sekalian,

10. Selain daripada ini, Kementerian juga telah meminta **syarikat-syarikat konsesi lebuh raya mengambil inisiatif-inisiatif** untuk memastikan kelancaran aliran trafik dan keselamatan para pengguna lebuh raya seperti:

- Kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menyediakan pasukan peronda lebuh raya yang terlatih serta dilengkapi dengan peralatan pertolongan cemas bagi memberikan bantuan awal kepada mangsa kemalangan di lebuh raya. Ianya akan dilaksanakan di Lebuhraya Utara - Selatan bagi laluan lebuh raya di dalam negeri Selangor dari Seremban ke Tanjung Malim yang melibatkan seramai 150 orang peronda lebuh raya PLUS.
- Pembukaan semua lorong termasuk lorong tambahan di plaza tol;
- Pengaktifan laluan *contra flow* di beberapa lokasi lebuh raya dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
- Rondaan pasukan peronda lebuh raya dengan lebih kerap untuk tempoh 24 jam sehari bagi menghadapi sebarang kemungkinan kes kemalangan atau insiden lain. *Respons*

Time oleh pasukan peronda akan dipercepatkan apabila berlakunya sebarang kes kemalangan dan hal luar jangka;

- Mempaparkan situasi trafik semasa di *Variable Message System* (VMS) dan *Portable Variable Message Sign* (PVMS) untuk makluman pengguna;
- Penempatan anggota pasukan PDRM dan RELA di kawasan lalu lintas di plaza tol dan kawasan Rehat & Rawat (R&R);
- Menyediakan bekalan air tambahan dan tandas tambahan di kawasan R&R dan Hentian Sebelah; dan
- Menempatkan kren dan kembalik (*tow-truck*) di lokasi-lokasi strategik bagi proses pemindahan kenderaan yang rosak dan yang terlibat dengan kemalangan.

DISKAUN DAN REBAT TOL

Hadirin dan hadirat sekalian,

11. Sepertimana tahun-tahun sebelum ini, syarikat-syarikat konsesi telah menawarkan diskaun kepada pengguna-pengguna lebuh raya semasa musim perayaan. Alhamdulillah, sempena dengan musim perayaan Aidilfitri tahun ini, sebanyak 23 buah syarikat konsesi lebuh raya telah bersetuju untuk memberikan insentif kepada pengguna dalam bentuk tol percuma, diskaun dan rebat tol sebagai salah satu Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) mereka. Insentif sebegini secara tidak langsung merupakan penghargaan daripada syarikat konsesi kepada pengguna-pengguna lebuh raya yang kerap menggunakan lebuh raya.

12. Bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2014 ini, Maju Expressway Sdn Bhd (MEX) telah bersetuju untuk menawarkan **tol percuma** kepada pengguna lebuh raya **pada 28 Julai 2014** sebagai menghargai pengguna lebuh raya yang menggunakan Lebuhraya MEX.

13. Selain itu, 18 buah lebuh raya lain telah bersetuju untuk memberikan diskaun tol pada kadar 5% - 37.5% (kenderaan kelas 1) di antara 27 Julai hingga 30 Julai 2014.

14. Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS) yang mengendalikan lima (5) lebuh raya pula menawarkan rebat tol sebanyak **30%** kepada pengguna-pengguna kenderaan Kelas 1 yang membuat **Bayaran Tol Secara Elektronik (ETC)** pada **23,24,30 dan 31 Julai 2014**. Lebuh raya yang terlibat adalah seperti berikut:

- Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) - *Kecuali Plaza Tol Bukit Kayu Hitam dan Bangunan Sultan Iskandar*
- Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH)
- Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE)
- Lebuhraya Kulim – Butterworth (KLBK)
- Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA) - *Kecuali Plaza Tol Tanjung Kupang*

LAMAN WEB TRAVELSMATER.COM – PANDUAN PENGGUNA LEBUHRAYA SEBELUM PERJALANAN

Tuan-Puan yang saya hormati sekalian,

15. Dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan dan mewujudkan kesedaran kepada orang ramai khususnya pengguna-pengguna lebuh raya terhadap perkara berkaitan dengan lebuh raya tol, Kerajaan dengan kerjasama Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) telah mengambil inisiatif melaksanakan laman web ***Travel Smarter***. ***Travel Smarter*** akan memberikan pelbagai informasi mengenai lebuh raya, antaranya latar belakang dan faedah pembangunan lebuh raya di Malaysia, info trafik secara langsung dan juga “***Journey Planner***”.

17. Pengguna lebuh raya boleh menggunakan “***Journey Planner***” bagi membuat anggaran kos dan jarak perjalanan ke destinasi yang dituju sama ada melalui lebuh raya atau jalan tanpa tol. Maklumat terperinci dan sesi penerangan kempen *Travel Smarter* kepada wakil media akan dibuat selepas majlis ini.

HARAPAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

18. Secara keseluruhannya, sebanyak 477,024 kemalangan telah berlaku di jalan persekutuan dan lebuh raya Malaysia pada tahun lepas. Kerajaan sememangnya melaksanakan pelbagai inisiatif terbaik dalam mengurangkan bilangan kemalangan di negara kita. Namun, segala inisiatif Kerajaan ini akan menjadi sia-sia sekiranya ianya tidak disokong oleh perubahan sikap pengguna itu sendiri. Penunggang motosikal misalnya yang merupakan golongan yang paling berisiko tinggi haruslah menitikberatkan ciri-ciri keselamatan seperti pemakaian topi keledar dan jaket keselamatan yang lengkap dengan pemantul

cahaya untuk mengurangkan risiko berlakunya kemalangan atau kecederaan.

19. Selain itu, saya juga ingin mengingatkan kepada para pengguna yang lain untuk sentiasa memberi penekanan kepada aspek kualiti pemanduan, keadaan mekanikal dan fizikal kenderaan serta amalan tips-tips keselamatan jalan. Sikap pengguna jalan raya dan lebuh raya yang prihatin akan dapat mengurangkan kadar kemalangan dan kita semua dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam keriangan dan bukannya tangisan.

20. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua pengguna lebuh raya dan pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan kempen keselamatan lebuh raya tahun ini. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan, JKR, LLM, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), MIROS dan semua syarikat konsesi lebuh raya kerana terlibat secara langsung dalam menjayakan kempen keselamatan ini.

21. Akhir kata, dengan lafaz “Bismillah hirrahman nirrahim” saya dengan ini merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kementerian Kerja Raya Sempena Aidilfitri 2014 dengan rasminya. Sekian, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.